

Headline	TNB lancar filem pendek Tahun Baharu Cina		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	42
ArticleSize	372 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,954		



TNB lancar filem pendek Tahun Baharu Cina

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) semalam melancarkan filem pendek Tahun Baharu Cina bertemakan kekeluargaan, mengetengahkan idea kepentingan berada bersama insan tersayang ketika musim perayaan walaupun ada teknologi yang membolehkan masyarakat sentiasa berhubung.

Filem pendek itu yang membawa mesej keseronokan merayakan perayaan bersama keluarga melalui pendekatan realiti maya (VR), menjadi sebahagian daripada tradisi TNB menyampaikan mesej bermakna untuk rakyat setiap kali menjelang pelbagai perayaan di negara ini.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab Rahman, berkata menerusi hasil karya bertajuk *Reality Not Virtual* itu, TNB berharap rakyat Malaysia dapat berkumpul bersama keluarga pada musim perayaan dan menghayati suasana gembira bagi menjadikannya detik bermakna.

Filem pendek itu menampilkan Bryan, seorang lelaki yang baru bekerja di bandar dan gemar menghabiskan masa lapangnya di kota berbanding pulang ke kampung halaman untuk menyambut



Roslan (tiga dari kiri) bersama Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek (tiga dari kanan) dan rakan yang menjayakan filem iklan televisyen sempena Tahun Baru Cina bertajuk Reality Not Virtual di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Nik Hariff Hassan/BH)

Tahun Baharu Cina bersama keluarga.

Ibu Bryan yang tidak mahu anak lelakinya itu ketinggalan merasa kemeriahan sambutan di kampung halaman, menghantar satu bungkusan istimewa, iaitu satu peranti VR yang bertemakan Tahun Baharu Cina.

Sejurus memakai peranti itu, Bryan dibawa ke alam maya dan menyaksikan suasana perayaan yang biasa di rumahnya seperti

sesi menggaul Yee Sang, menerima ang pau dan lain-lain.

"Penonton dapat melihat bagaimana Bryan berinteraksi dengan dunia sebenar tatkala asyik di alam maya. Kemuncaknya adalah adegan tarian singa yang penuh warna-warni, menyebabkan Bryan lantas merasakan kerinduannya memuncak untuk pulang ke kampung halaman.

"Meskipun agak lucu, namun filem ini membawa mesej men-

dalam mengenai kegembiraan menyambut perayaan bersama mereka yang penting dalam kehidupan kita iaitu ahli keluarga," kata Roslan.

Filem iklan itu ditayangkan secara dalam talian di saluran YouTube rasmi TNB ([youtube.com/TENAGAofficial](https://www.youtube.com/TENAGAofficial)) selama empat minit sejak 17 Januari lalu. Versi di televisyen yang berdurasi 60 saat pula dijangka ditayangkan bermula 23 Januari 2020.

"Iklan ini membawa kelainan sesuai dengan perkembangan hari ini yang lebih mengutamakan teknologi berbanding berada bersama. Ia membawa mesej kegembiraan menyambut perayaan bersama mereka yang penting dalam hidup.

"Kami berharap masyarakat meneruskan tradisi berkumpul dan menghayati suasana gembira itu bagi menjadikannya detik lebih bermakna," katanya.

Filem ini turut diiringi iklan cetak 'interaktif' yang memerlukan pembaca melipat bahagian-bahagian tertentu iklan untuk melihat mesej tersembunyi. TNB turut mengadakan peraduan Cepak Tenaga yang menampilkan barisan pelakon utama filem itu dalam bentuk video 360 darjah.

Untuk menyertai peraduan, hanya log masuk ke facebook.com/TNBCareline dan orang ramai berpeluang memenangi hadiah, termasuk telefon pintar baharu.

Orang ramai juga boleh berkongsi GIF dan pelekat perayaan yang menyeronokkan dengan keluarga melalui carian *TNB Chinese New Year* di platform WhatsApp, Facebook (FB) dan Instagram (IG).